

Kekaumas UMS sentiasa jaga kebajikan ahlinya

UB 11.9.2015 84

KOTA KINABALU: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) akan terus menjaga kebajikan ahlinya di universiti itu.

Presiden Kekaumas Amat Jutrah Haji Musnih berkata, pelbagai bantuan telah disampaikan kepada

semua ahli kesatuan yang telah diluluskan oleh Exco Kekaumas.

Antaranya, bantuan khairat kematian untuk ahli kesatuan, khairat kematian ibu bapa, khairat kematian anak ahli, bantuan ahli yang telah bersara, bantuan anak ahli cemerlang serta

bantuan bencana alam.

"Kekaumas tidak pernah mengabaikan kebajikan ahlinya termasuk yang ditimpa bencana, kakitangan yang bersara dan anak ahli cemerlang dalam peperiksaan awam," katanya.

Beliau berkata demikian

pada majlis penyampaian bantuan Tabung Kebajikan Fasa II di Bilik Mesyuarat Eksekutif Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai lapan bekas ahli Kekaumas telah menerima bantuan persaraan, 14 orang menerima bantuan khairat kematian ibu bapa, seorang menerima khairat kematian anak, dua orang waris menerima khairat kematian ahli, enam orang menerima bantuan anak cemerlang, lima orang menerima bantuan kesihatan, empat orang menerima bantuan bencana alam dan



AMAT Jutrah menyampaikan bantuan Tabung Kebajikan Kekaumas kepada Nurul Jasmin.



BINIK Majuri (kiri) menerima bantuan Tabung Kebajikan daripada Amat Jutrah.

seorang menerima bantuan anak sakit.

Turut hadir, Timbalan Presiden Kekaumas Abd Jalil Sapli, Setiausaha Kekaumas Salmiah Haji Tertif dan Exco Kekaumas.

Amat Jutrah berkata, bantuan Tabung Kebajikan Fasa I telah disampaikan kepada ahli di UMS Kampus Antarabangsa Labuan dalam ziarah Tabung Kebajikan pada bulan Ramadan lalu dengan penyerahan ke rumah ahli kesatuan.

Seorang ahli kesatuan yang telah bersara wajib, Kamis Ag Ali yang bertugas

di bahagian keselamatan berkata selain kebajikan khairat kematian, pihak Kekaumas juga menyediakan kebajikan ahli yang bersara setelah menjadi ahli selama 10 tahun seperti yang beliau terima sebelum ini.

"Bantuan berkenaan sangat berfaedah kepada mana-mana ahli kesatuan yang telah menjadi ahli selama 10 tahun untuk menampung perbelanjaan harian," katanya.

Kamis berterima kasih kepada Kekaumas kerana memberikan perhatian

kebajikan kepada ahlinya.

Bekas Exco Kekaumas, Abdul Samat Lawi yang menerima bantuan bersara daripada Tabung Kebajikan memilih bersara awal setelah berkhidmat sebagai pembantu perpustakaan dan menjadi ahli lebih 10 tahun berkata, selama beliau bersama dengan kesatuan daripada mula sehingga beliau bersara, sudah mendapat banyak faedah bukan sahaja daripada segi bantuan kebajikan malah berpuashati dengan kejayaan perjuangan Kekaumas yang telah dinikmati.

"Saya tidak setuju jika ada kalangan ahli kesatuan mengatakan mereka tidak mendapat faedah dalam Kekaumas," katanya.

Abdul Samat berkata, lebih 95 peratus perjuangan pihak kesatuan yang dibawa ke pihak pengurusan telah berjaya diambil tindakan termasuk yang telah dibawa ke Gabungan Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (Gakum).

Beliau berkata, ada ahli hanya bersuara sedemikian setiap kali pemotongan bayaran yuran dalam slip gaji mereka dan mencari alasan untuk keluar ahli hanya disebabkan ketidakpuasan hasil perjuangan yang mereka tidak sedari manfaatnya.

Walaupun beliau tidak lagi berkhidmat di UMS, Abdul Samat mengesakan kepada semua staf pelaksana dari gred 40 ke bawah yang belum menjadi ahli kesatuan berkenaan agar segera mengisi borang keahlian bagi membantu perjuangan para pemimpin Kekaumas.

Sementara itu, Amat Jutrah mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pemangku Pendaftar UMS No'man Ahmad yang sentiasa menyokong perjuangan Kekaumas selama ini.



AMAT Jutrah (empat kanan) bersama penerima bantuan Tabung Kebajikan Kekaumas.